

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN
A/L M PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 [RABU]

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pembaharuan dan penambahbaikan yang telah dibuat oleh KPKT sepanjang tempoh pentadbiran dan apakah misi dan visi yang akan diambil untuk kebaikan seluruh rakyat Malaysia secara amnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh pentadbiran kerajaan baharu, pelbagai penambahbaikan dan pembaharuan telah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

2. KPKT komited dan fokus untuk menyediakan rumah mampu milik, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata. Selaras dengan matlamat ini, KPKT telah melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- i. melancarkan Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 - 2025

yang memacu sektor perumahan negara secara keseluruhan dengan menekankan perancangan, pembangunan dan pengurusan perumahan yang sistematik dan cekap bagi menjana habitat yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif;

- ii. melancarkan Dasar Rumah Mampu Milik Negara (DRMM) yang bertujuan untuk memperkasa perumahan mampu milik yang sistematik, mampan dan inklusif sebagai tanggungjawab sosial kerajaan bagi menyedia dan meningkatkan akses perumahan kepada rakyat Malaysia khususnya golongan B40. Melalui DRMM, KPKT memperkenalkan skim *Rent-to-Own* (RTO) yang memberi peluang kepada golongan muda berkelayakan bagi meningkatkan pemilikan rumah melalui penyewaan. Selain itu, KPKT juga telah memulakan *Home Ownership Campaign* (HOC) bagi meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat. Melalui kempen ini, pembeli rumah dapat menikmati pelbagai faedah antaranya pengecualian duti setem dan diskaun tambahan;
- iii. menubuhkan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bertujuan untuk membincangkan isu, dasar dan hala tuju perumahan negara dengan mengambil kira keperluan dan penyediaan perumahan sebenar (Mesyuarat ini telah diadakan pada 8 Januari 2019);
- iv. sehingga September 2019, KPKT telah berjaya membina dan menyediakan 89,549 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) merangkumi PPR Dimiliki dan PPR Disewa bagi golongan sasaran;
- v. selain itu, sebanyak 36,864 buah unit Rumah Mampu Milik (RMM) telah berjaya disiapkan;

- vi. memberikan RM15.45 juta dalam bentuk insentif bagi pemilikan rumah di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta melibatkan 515 unit perumahan; dan
- vii. menambah baik akses pembiayaan pembelian rumah DEPOSITKU kepada program FundMyHome.

3. Selaras dengan fungsi KPKT untuk membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti, pelbagai pembaharuan telah dijalankan bagi memenuhi keperluan penduduk setempat sepanjang pemerintahan kerajaan hari ini iaitu:

- i. bilangan projek BP.1 telah meningkat sebanyak 46.8% iaitu daripada 3,503 kepada 6,588 dan peruntukan projek-projek tersebut meningkat daripada RM212 juta kepada RM528 juta (September 2018 - September 2019);
- ii. melancarkan Manual *One Stop Centre (OSC) 3 Plus* yang telah ditambah baik pada 15 Oktober 2019 supaya pengguna dapat membuat permohonan kebenaran merancang dengan lebih mudah dengan pertambahan kategori. Selain itu, OSC 3 Plus juga dapat memendekkan masa kelulusan permohonan yang diterima;
- iii. melancarkan Aplikasi iTegur sebagai medium mudah alih yang mampu memudahkan pengguna dalam membuat aduan kepada PBT untuk diambil tindakan segera;
- iv. menyiapkan pemasangan *Command, Control, Communications, Computers dan Intelligence – TEGUR (C4i-TEGUR)* pada 26 Jun 2019;
- v. menyediakan 3 Garis Panduan baharu iaitu:

- (a) Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang yang bertujuan untuk memastikan semua kolam renang adalah bersih dan selamat serta sihat kepada semua pengguna;
 - (b) Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam/ Pasar Harian/ Pasar Tani di Kawasan PBT bagi memberi panduan kepada PBT untuk merancang, mengawal dan menguruskan aktiviti pasar malam/ pasar harian/ pasar tani di Malaysia; dan
 - (c) Garis Panduan Kawalan Nyamuk di Kawasan PBT bertujuan untuk memberi panduan kepada PBT dalam pengurusan pencegahan dan pengawalan pembiakan nyamuk Aedes dalam premis dan persekitaran;
- vi. menganjurkan Konvensyen PBT setiap tahun bermula 2018 yang menjadi platform kepada PBT untuk berkongsi pengalaman dan mempelajari amalan terbaik serta penyelesaian terhadap isu-isu perbandaran;
- vii. mengadakan Konvensyen Pemerksaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) pada 27-28 April 2019. Konvensyen ini telah menghimpunkan hampir 800 orang pengerusi dan setiausaha MPKK Kampung Baru untuk memperkasakan peranan dan tanggungjawab MPKK dalam pentadbiran dan pembangunan Kampung Baru; dan
- viii. 119 daripada 151 PBT telah menerima penarafan 4 bintang dan ke atas di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan PBT-PBT tersebut telah mencapai tahap yang cemerlang dalam aspek pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penglibatan komuniti.

4. Selain portfolio perumahan dan kerajaan tempatan, KPKT juga memegang portfolio keselamatan dan kebombaian. Sehingga September 2019, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di bawah KPKT telah mencapai penanda aras yang dapat dibanggakan. Antara pencapaian tersebut ialah:

- i. peningkatan *Response time* (10 minit ke bawah) daripada 49.29% kepada 57.17%;
- ii. mengurangkan 27.68% kes kematian dan kecederaan akibat kebakaran;
- iii. mengurangkan 57% pengurangan insiden lemas seluruh negara;
- iv. mengurangkan 45.16% kerugian harta benda akibat kebakaran dan lain-lain kes menyelamat;
- v. memperbanyakkan bilangan Balai Bomba daripada 294 kepada 311 bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kebombaian dan keselamatan;
- vi. menubuhkan 47 Pasukan Bomba Komuniti Skwad Rondaan Sukarela (SRS);
- vii. melaksanakan Modul Kesedaran Keselamatan di Air dengan melibatkan seramai 959 orang pelajar di sekolah sekitar Putrajaya supaya pelajar bukan sahaja belajar berenang tetapi juga dapat menyelamatkan diri serta orang lain semasa berlaku kecemasan di badan air;
- viii. menghasilkan papan tanda keselamatan di air berpandukan *International Organization for Standardization (ISO) 20712* bertujuan sebagai panduan keselamatan seragam yang wajib dipatuhi oleh pengunjung badan-badan air; dan

- ix. menjalankan penilaian risiko di 15 kawasan berisiko tinggi bagi memastikan kawasan tersebut diawasi rapi bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan di air sepanjang cuti persekolahan serta musim tengkujuh.

5. KPKT juga merupakan pihak bertanggungjawab dalam memastikan pembersihan awam serta pengurusan sisa pepejal negara berada dalam keadaan yang baik. KPKT menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) giat melipatgandakan usaha untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan. Pencapaian-pencapaian di bawah bidang ini ialah:

- i. melancarkan Dasar Kebersihan Negara pada 3 November 2019 untuk meningkatkan kesedaran dan membudayakan amalan kebersihan dalam kalangan rakyat;
- ii. kadar kitar semula pada tahun 2019 ialah sebanyak 28.1% melepasi sasaran kadar kitar semula tahun 2020 iaitu 22%;
- iii. jumlah kutipan Program Kitar Semula meningkat daripada 2,223 tan kepada 2,454 tan (September 2018 - September 2019);
- iv. memperkenalkan program Komuniti Sisa Sifar (ZeComm) di 5 buah negeri iaitu WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kelantan. Program ini berjaya mengubah minda golongan sasaran untuk melihat sampah sebagai salah satu punca pendapatan (*waste to wealth*);
- v. *Solid Waste Training Centre* (SWTC) telah ditauliah pada 31 Januari 2019 untuk menjalankan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dalam bidang kemahiran berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Inisiatif ini

adalah bagi meningkatkan produktiviti dan memastikan pekerja dalam perkhidmatan dapat melaksanakan perkhidmatan pembersihan berdasarkan standard dan prosedur yang ditetapkan; dan

- vi. merasmikan Pusat Komuniti Lestari (*Green Community Centre*) Taman Tunku Sarina di Jitra, Kedah pada 23 Mac 2019. Pusat Komuniti Lestari ini merupakan sebuah pusat pengurusan sisa pepejal bersepadu yang ditubuhkan dengan tujuan untuk membangunkan sistem pengurusan sisa pepejal yang mampan dengan mendayaupayakan komuniti secara inklusif.

6. KPKT juga komited dalam mendayaupayakan komuniti dalam aspek sosial dan ekonomi, khususnya kepada golongan sasar B40. Inisiatif dan penambahbaikan yang telah dilakukan oleh KPKT ialah:

- i. melancarkan Dasar Komuniti Negara (DKomN) pada 17 Februari 2019 bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan serta penyelenggaraan harta awam serta harta bersama;
- ii. membuka Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti di 4 buah PPR iaitu PPR Lembah Subang 2 Selangor, PPR Kota Bharu Kelantan, PPR Taman Manggis Pulau Pinang dan PPR Tehel Melaka serta akan menambah sebanyak 17 sekretariat lagi di seluruh negara. Selain berfungsi sebagai platform perhubungan antara komuniti dengan agensi Kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO), ia juga menjadi ejen perubahan pemikiran dan sikap penduduk;
- iii. melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti, di PPR Lembah Subang 2 sahaja, sejumlah 80 program telah dijalankan sepanjang tahun 2018 - 2019 yang memberi manfaat kepada 8,823 orang penduduk PPR;

- iv. peningkatan 81% peserta Program Azam Bandar daripada 594 orang peserta kepada 1,080 orang. Daripada jumlah peserta Azam Bandar 2019, 75% daripada mereka telah berjaya meningkatkan pendapatan. (September 2018 - September 2019); dan
 - v. sepanjang Januari - September 2019, penerima bantuan baik pulih rumah daif di bandar telah mencapai 1,211 orang.
7. Selain itu, KPKT juga bertanggungjawab dalam memastikan rakyat mempunyai keyakinan tinggi dalam urusan peminjaman wang dan pajak gadai. Pelbagai pembaharuan serta penambahbaikan telah dijalankan. Antaranya ialah:
- i. melaksanakan penjenamaan semula Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai kepada **Bahagian Kawalan Kredit Komuniti** supaya rakyat mempunyai perspektif positif dan lebih mesra terhadap Pemberi Pinjam Wang berlesen; dan
 - ii. melancarkan Aplikasi iKrediKom dan Aplikasi iGadaian bagi memudahkan rakyat untuk membuat carian syarikat Kredit Komuniti dan premis pemegang pajak gadai yang berlesen serta berdaftar di bawah KPKT.
8. Dalam mendepani arus pembangunan mampan menerusi penggunaan teknologi dan *Big Data*, KPKT juga telah berjaya melancarkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia pada 23 September 2019. Rangka Kerja ini berfungsi sebagai garis panduan kepada PBT/Jabatan/Agensi bagi mengambil langkah-langkah yang progresif untuk melaksanakan inisiatif Bandar Pintar.

Selain itu, Kerangka ini juga menandakan kesediaan negara untuk melaksanakan dan menyelesaikan pembangunan bandar berasaskan teknologi pintar dan selamat. Antara bandar yang terpilih sebagai projek rintis bandar pintar ialah:

- i. W.P Putrajaya;
- ii. W.P Kuala Lumpur;
- iii. Kulim;
- iv. Johor Baru; dan
- v. Kota Kinabalu

9. Pembaharuan dan pencapaian yang telah disenaraikan membuktikan bahawa KPKT fokus untuk memberikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat demi mencapai matlamat kementerian berprestasi tinggi dan berorientasikan keberhasilan demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.